

19 MAR 2000

Umno-Melaka

KESEMUA LIMA BAHAGIAN DI MELAKA CALON DR MAHATHIR DAN ABDULLAH

MELAKA, 19 Mac (Bernama) -- Kesemua lima bahagian Umno Melaka yang mengadakan mesyuarat perwakilan masing-masing mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi masing-masing untuk jawatan Presiden Umno dan Timbalan Presiden Umno pada pemilihan parti Mei ini.

Bahagian-bahagian itu ialah Batu Berendam, Selandar, Kota Melaka, Alor Gajah dan Jasin yang merupakan bahagian terakhir di Melaka yang mengadakan mesyuarat perwakilannya hari ini.

Cadangan pencalonan Dr Mahathir dan Abdullah disokong dengan sebulat suara oleh kesemua bahagian itu.

Bagi jawatan naib presiden, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak merupakan calon tunggal yang mendapat pencalonan daripada lima bahagian manakala Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman mendapat tiga pencalonan iaitu daripada bahagian Batu Berendam, Alor Gajah dan Jasin.

Tujuh calon naib presiden yang memperolehi satu pencalonan ialah Menteri Besar Selangor Datuk Seri Abu Hassan Omar (Batu Berendam), Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar (Alor Gajah), Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad (Selandar), Ketua Menteri Sabah Osu Sukam (Kota Melaka), Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin (Kota Melaka), Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib (Selandar) dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim.

Bagi kerusi anggota Majlis Tertinggi (MT), Ketua Menteri Datuk Wira Mohd Ali Rustam dan bekas Ketua Menteri Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik mendapat pencalonan daripada kelima-lima bahagian berkenaan.

Pencalonan Abdul Rahim agak "mengejutkan" kerana Badan Perhubungan Umno Melaka sebelum ini telah mengumumkan keputusan untuk mencalonkan Mohd Ali sahaja sebagai calon tunggal Umno Melaka bagi kerusi MT.

Abdul Rahim yang juga bekas Ketua Pergerakan Pemuda memperolehi pencalonan dari bahagian Jasin dalam suasana hangat setelah nama beliau "tercicir" dalam senarai asal tetapi dimasukkan ke dalam senarai setelah dilakukan pengundian.

Bagi pencalonan Ketua Pergerakan Pemuda Umno, kelima-lima bahagian telah mencalonkan Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishamuddin Tun Hussein dan anggota Exco pergerakan itu Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir bagi jawatan naib ketua.

Untuk jawatan Ketua Wanita Umno, tiga bahagian iaitu Batu Berendam, Selandar dan Kota Melaka telah mencalonkan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Ketiga-tiga bahagian itu turut mencalonkan Datuk Sharizat Abdul Jalil sebagai naib ketua.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datuk Dr Siti bahagian Alor Gajah dan Jasin yang turut mencalonkan Ainon Khariyah Mohd Abas bagi jawatan naib ketua Wanita Umno.

-- BERNAMA

NO FAZ